

RM6 BILION

DANA PERINGKAT PERTAMA DITERIMA VALUECAP

» *Beli saham syarikat senaraian awam di bawah nilai sebenar*

Oleh **Mahanum Abdul Aziz**
mahanum_aziz@bh.com.my

ValueCap Sdn Bhd, syarikat pengurusan dana khusus, dijangka akan menerima dana peringkat per-

tama berjumlah RM6 bilion daripada pemegang sahamnya pada akhir bulan depan.

Ia bagi tujuan membeli saham syarikat senaraian awam yang berada di bawah nilai sebenar, yang mana menjadi antara usaha merencanakan lagi pasaran saham tempatan.

Dana permulaan itu adalah sebahagian daripada dana RM20 bilion, yang diumumkan kerajaan pada 14 September lalu, untuk mengaktifkan semula ValueCap.

Tiga pemegang saham ValueCap ialah Permodalan Nasional Bhd (PNB), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau KWAP dan Khazanah Nasional Bhd.

Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Wan Kamaruzaman Wan Ahmad, berkata setiap pemegang saham ValueCap akan menyumbang satu pertiga daripada jumlah dana itu.

Beliau berkata, bagi KWAP, pihaknya akan menggunakan dana dalaman untuk tujuan itu.

“Kami kini pada peringkat untuk memuktamadkan

persetujuan mengenai dana itu dan ketiga-tiga pemegang saham perlu membentangkannya kepada Lembaga Pengarah masing-masing.

“Bagi KWAP, kami akan membentangkan kepada panel pelaburan minggu depan. Kami tidak mempunyai masalah untuk menyediakan dana untuk tujuan itu,” katanya kepada media selepas majlis memeterai Kod Malaysia bagi Pelabur Institusi oleh KWAP di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG), Rita Benoy Bushon.

Mengulas lanjut mengenai dana ValueCap, Wan Kamaruzaman berkata, suntikan dana selanjutnya adalah berdasarkan kepada keadaan pasaran.

Pasaran terus meningkat
Beliau berkata, jika pasaran terus meningkat selepas suntikan dana peringkat pertama itu, maka tidak ada keperluan untuk menyuntik dana selanjutnya.

Namun, jika pasaran dilihat

terus jatuh, dana selanjutnya akan disuntik bagi menyokong pasaran, katanya.

Pada bulan lalu, kerajaan mengumumkan untuk mengaktifkan semula ValueCap dengan dana sebanyak RM20 bilion.

Stabil pasaran kewangan
Ia sebahagian langkah proaktif untuk menstabilkan pasaran kewangan dalam menangani suasana ekonomi global yang tidak menentu dan berpotensi memberi impak negatif kepada ekonomi negara.

Jawatankuasa Khas Ekonomi (JKE) menegaskan kerajaan tidak menyediakan dana untuk mengaktifkan semula ValueCap, sebaliknya syarikat pengurusan dana khusus itu diberi mandat untuk mengumpul dana sehingga RM20 bilion sekiranya perlu daripada pemegang sahamnya serta dana kewangan dan permodalan lain.

Mandat itu diberikan sebagai persediaan sekiranya skenario kelembapan pasaran modal berterusan ekoran ekonomi global yang tidak menentu.

RM20 BILION
Kerajaan umum dana mengaktifkan semula ValueCap

“**Kami kini pada peringkat untuk memuktamadkan persetujuan mengenai dana itu dan ketiga-tiga pemegang saham perlu membentangkannya kepada Lembaga Pengarah masing-masing**”

Wan Kamaruzaman Wan Ahmad,
Ketua Pegawai Eksekutif KWAP

